

15/11/1999

Tiada pertandingan sengit di Terengganu

Azhar Abu Samah; Ibrahim Muhamad; Noor Jaafar

SETAKAT ini laporan yang mengatakan beberapa menteri besar akan digugurkan dalam pilihan raya umum kali ini, hanyalah spekulasi.

Di Kuala Lumpur semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyatakan perkara itu.

Keputusan sebenar termasuk sama ada Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad kekal bertanding atau dipindah ke kawasan Parlimen, hanya akan diputuskan oleh Dr Mahathir menjelang hari penamaan calon nanti.

Pendirian Wan Mokhtar adalah jelas.

"Kalau tidak dipilih bertanding, saya akan membantu calon lain, kerana selama ini mereka membantu saya," kata Wan Mokhtar ketika mengulas kenyataan Dr Mahathir ketika mengumumkan pembubaran Parlimen bahawa ramai muka baru akan dicalonkan kali ini.

Selain itu, banyak pihak meramalkan pilihan raya umum di Terengganu kali ini tidak dianggap begitu sengit berbanding sebelumnya.

Dalam menghadapi sesuatu pilihan raya, kehadiran pengunjug pada ceramah anjuran parti pembangkang berbanding majlis Umno, tidak boleh diambil kira.

Setakat ini, tiada isu baru dalam ceramah parti pembangkang kecuali soal pemecatan dan kes keracunan arsenik bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pas, yang dianggap pesaing di Terengganu, hanya pandai berjanji. Dalam manifesto pilihan raya Pas khusus bagi Terengganu, parti itu lebih banyak menabur janji daripada memaparkan pelan perancangan pembangunan yang lebih kukuh. Janji seperti penghapusan bayaran cukai tanah, cukai pintu, tol Jambatan Sultan Mahmud dan memberi cuti bersalin sehingga selama 90 hari lebih cenderung untuk menyogok pengundi.

BN dijangka meletakkan beberapa muka baru sekurang-kurangnya di satu kerusi Parlimen dan tujuh kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), selain mengekalkan muka lama yang mempunyai peluang untuk mengekalkan penguasaannya di kawasan tertentu.

Perubahan itu dilihat sebagai menjamin kemenangan BN kerana kebanyakan calon yang akan digugurkan ialah daripada mereka sudah lama berkhidmat dan kurang upaya.

Hampir semua bahagian yang dianggap kubu kuat Umno, dijangka mengalami perubahan calon. Perubahan besar dijangka berlaku di Dungun dan Marang, membabitkan kerusi Parlimen dan tiga kerusi DUN.

Langkah ini dijangka memberi kelebihan kepada BN untuk mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Paka, Sura dan Rantau Abang serta Bukit Besi, lebih-lebih lagi kerusi Sura dan Rantau Abang yang dimenangi tanpa bertanding pada 1995 kerana kesilapan teknikal pembangkang.

Di Marang, yang sentiasa panas kerana menjadi kubu kuat Pas, BN dijangka meletakkan calon baru bagi kawasan Parlimen.

Bagi Parlimen Dungun, Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Senator Rosli Mat Hassan, disebut-sebut bertanding bagi menggantikan Mokhtaruddin Yusof.

Dua kerusi Dun dalam Parlimen itu dijangka turut bertukar ialah Sura dan Rantau Abang, masing-masing sebelum ini disandang ahli Exco negeri, Ibrahim Awang dan Shafie Daud.

Perubahan juga dijangka berlaku di kawasan Parlimen Kuala Nerus dengan Timbalan Ketua Umno bahagian itu, Nasir Datuk Ibrahim Fikri, dikatakan

menggantikan Abdul Rahin Datuk Mohd Said yang beralih ke kerusi DUN Tepoh.

DUN Tepoh kini dikuasai Pas dan BN yakin, dengan membuat perubahan itu, ia dapat merampas semula kawasan itu kerana secara tradisi Kuala Nerus adalah kubu kuat BN.

Bagi DUN Teluk Pasu dan Bukit Tunggul, dua calon baru akan diketengahkan, selain mengekalkan Datuk Rashid Ngah di DUN Seberang Takir.

Kawasan Parlimen Hulu Terengganu dijangka melihat `sirih pulang ke gagang' apabila bekas ketua bahagian dan Exco kerajaan negeri, Datuk Ahmad Sidi Ismail, disebut-sebut akan mengetuai semula kawasan itu.

Bagaimanapun, kawasan Parlimen Kuala Terengganu yang dianggap sensitif, kemungkinan Datuk Abu Bakar Daud digantikan oleh Wan Mohd Albakri masih menjadi teka teki. Bagi kerusi DUN, selain Roslan Awang Chik yang dikatakan terus kekal di Ladang, dua muka baru dijangka diperkenalkan bagi menghadapi Pas di Batu Buruk dan Wakaf Mempelam.

Hakikatnya, perpaduan dalam Umno perlu ada di dua-dua kawasan ini jika mahu melihat BN merampas semula kawasan itu kerana kekalahan BN sebelumnya dikenal pasti berpunca daripada perselisihan dalaman, khususnya mengenai calon.

Ramai pemerhati politik melihat BN sekurang-kurangnya mendapat tambahan dua lagi kerusi DUN jika jentera pilihan rayanya bersatu. Namun, ada yang melihat BN akan kehilangan sekurang-kurangnya satu kerusi DUN jika jenteranya lemah dan berlaku perpecahan.